

29 JUL 1996

Mahathir - Sumber

PELANCONGAN BOLEH KEMBANG PESAT JIKA SUMBER DIGUNAKAN SEPENUHNYA

LANGKAWI, 29 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata industri pelancongan negara berpotensi untuk berkembang pesat jika sumber yang ada digunakan sepenuhnya.

Beliau berkata masih banyak lagi sumber semulajadi negara ini seperti sungai dan gunung yang belum diterokai sepenuhnya.

"Kita mempunyai banyak tasik dan bekas-bekas lombong yang terbiar dan begitu juga dengan bukit-bukau,".

"Saya percaya jika ini dapat dibangunkan dengan perancangan yang baik, ia boleh menambah lagi daya tarikan pelancongan negara kita," katanya semasa merasmikan Hotel Sheraton Perdana di sini.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata saranan beliau itu tidaklah bermaksud bukit boleh diratakan dengan sesuka hati dan sawah padi ditimbus sewenang-wenangnya.

"Dalam proses memajukan lagi industri ini, tidaklah bermakna semua pokok ditebang dan bukit diratakan kerana sebenarnya itulah yang menjadi tarikan pelancong,"

"Pelancong datang ke sini untuk melihat semua itu dan bukannya semata-mata kerana hanya tinggal di hotel. Kebersihan juga perlu diutamakan," katanya.

Dr Mahathir yang kelihatan masih lemah selepas dilaporkan mengalami demam selsema sejak Khamis lepas mempertanggungjawab usaha memastikan kebersihan dikekalkan kepada pihak hotel.

Perdana Menteri yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali kemudian dihiburkan dengan persembahan muzikal oleh Bolshoi Ballet Theatre dari Tashkent, Uzbekistan.

Persembahan kira-kira sejam ternyata memikat hati Dr Mahathir apabila beliau sendiri tiga kali berdiri sambil bertepuk sebaik sahaja orkestra berkenaan selesai mengadakan persembahan.

Lagu yang dimainkan ialah lagu ciptaan dan nyanyian Seniman Agung Allahyarham P.Ramalee, "Di Manakan Ku Cari Ganti" dan "Getaran Jiwa".

Perdana Menteri kemudian dihadiahkan sepasang pakaian tradisional Uzbekistan sementara Dr Siti Hasmah menerima sehelai selendang. -- BERNAMA

ZAA FAZ